

PERTANDINGAN CATUR BESTARI

Oleh: Fathul Azan B. Faezan

Johor Corporation melalui Bistari Young Entrepreneur Sdn Bhd dengan kerjasama Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia UiTM (MEDEC) telah menganjurkan " PERTANDINGAN CATUR BISTARI Institusi Pengajian Nasional 2008 pada 26 Julai 2008 bertempat di UiTM Arau, Perlis. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menghantar 2 kumpulan iaitu seramai 12 orang wakil pelajar untuk menyahut cabaran ini pada peringkat zon utara. Pertandingan ini juga yang turut disertai oleh IPTA dan IPTS yang lain, antaranya ialah UiTM Perak, UiTM Perlis, UiTM Sungai Petani dan UiTM Pulau Pinang. Selain itu, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), INSTITUT PROFESIONAL Alor Setar, PTPL Sungai Petani, POLYTECH MARA Ipoh dan IPT ISLAM PERLIS. Agak tidak bernasib baik apabila pasukan UniMAP telah tewas kepada pasukan lain yang lebih berpengalaman. Akan tetapi, turun sebagai pasukan underdog, percaturan dan strategi yang ditunjukkan oleh UniMAP amat membanggakan dan hampir-hampir saja melayakkan diri ke peringkat kebangsaan. Ini adalah kali pertama UniMAP menyertai pertandingan ini berbanding dengan IPTA dan IPTS yang lain. Namun, persaingan yang diberikan oleh pasukan UniMAP amat mengejutkan pihak penganjur dan pihak lawan yang lain. Syabas diucapkan.

